

PENGGUNAAN INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL DI JOHOR KE ARAH PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

INTERNET USAGE AMONG THE VOCATIONAL COLLEGE STUDENT IN JOHOR TOWARDS INFORMATION AND COMMUNICATION INTEGRATION

Noormalina Adenan¹

Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Malaysia.
(Email: malienaadenan@gmail.com.my)

Yusmarwati Yusof²

Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Malaysia.

Received date: 19-04-2019

Revised date: 31-05-2019

Accepted date: 28-08-2019

Published date: 10-09-2019

To cite this document: Adenan, N., & Yusof, Y. (2019). Penggunaan Internet Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional Di Johor Ke Arah Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 2(6), 19-32.

DOI: 10.35631/ijham.26003

Abstrak: Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap penggunaan internet oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Pelajar menggunakan internet untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam pembelajaran. Bagi kajian ini, seramai 267 orang responden telah dipilih dalam kalangan pelajar Tahun 4 yang sedang melanjutkan pengajian di Kolej Vokasional di Johor. Edaran borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Data-data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan “Statistical Packages for the Social Sciences 24,0 (SPSS)”. Nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kajian yang digunakan adalah pada tahap alpha 0.938. Proses analisis data dibuat dengan kaedah analisis statistik deskriptif dalam bentuk frekuensi serta min. Hasil kajian ini telah menunjukkan tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi dengan min keseluruhan adalah 4.40. Penggunaan internet ini juga telah membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka dalam pembelajaran. Selain itu, penggunaan internet ini menjadi ruang komunikasi baharu kepada para pelajar berkongsi maklumat pembelajaran dengan rakan-rakan. Faktor yang paling dominan yang mempengaruhi penggunaan internet disebabkan oleh sikap pelajar. Pelajar yang bermotivasi lebih berminat untuk menggunakan internet dalam proses pembelajaran.

Kata Kunci: Penggunaan Internet, Internet Dalam Pembelajaran, Internet Di Kolej Vokasional, Pelajar Kolej Vokasional

Abstract: *This research to identify internet usage among the student in Kolej Vokasional. The finding will show the internet usage among student during learning process. Student are use internet for gain their knowledge. In this research, 267 responden among the Year 4 student in Kolej Vokasional Batu Pahat were chosen as the responden. Questionnaire are used as instrument while collecting the data. All the data then been analyze using “Statistical Packages for the Social Sciences 24,0 (SPSS)”. Validity and reliability value for the instrument is 0.938 alpha value. Then descriptive statistics analysis used and show the frequency and means of the data. Result shows that the internet usage among the student are in high level with total means 4.40. While using the internet, its helps student gain new knowledge and internet became the new communication medium for student in sharing knowledge and information with their friends. The dominant factor that contributed to the internet usage is due to the student’s attitude. Highly motivated students are interested in using the internet in learning process.*

Keywords: *Internet Usage, Internet In Learning, Internet In Vocational Collage, Vocational College Student*

Pengenalan

Perkembangan teknologi maklumat pada masa kini telah berkembang maju. Masyarakat juga telah mengalami transformasi kehidupan menjadi masyarakat yang menguasai bidang teknologi maklumat dihujung jari terutama apabila kewujudan telefon pintar, komputer riba dan internet yang semakin cepat kemaraannya. Menyedari perubahan ini, kerajaan Malaysia telah meletakkan matlamat supaya dapat melahirkan masyarakat yang menguasai teknologi maklumat selari dengan perkembangan dunia yang telah berlaku. Justeru itu, melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) matlamat ini diterapkan ke dalam sistem pendidikan negara melalui dasar transformasi pendidikan dengan mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah seperti yang telah dirangka dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Menurut Sidin & Mohamad (2007) era globalisasi yang berpaksikan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi, pembangunan pendidikan kini amat mementingkan pembudayaan dan pengintegrasian teknologi dalam kalangan pelajar. Perubahan ini turut berlaku dalam sistem pembelajaran meskipun pembelajaran dalam bilik darjah kerana ia dapat memupuk minat serta menggalakkan pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka seterusnya dapat memupuk amalan pembelajaran sepanjang hayat tanpa mengira masa.

Dalam hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju, kewujudan kolej vokasional bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan sumber tenaga kerja mahir, malahan tenaga kerja perlu menguasai penggunaan teknologi maklumat selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Pelajar perlu menguasai pelbagai ilmu bukan sahaja melibatkan ilmu kemahiran malahan ilmu teknologi maklumat agar dapat bersaing dan berkemampuan memacu negara ke arah sebuah negara maju (KPM, 2011). Sehubungan dengan itu, perlaksanaan perubahan perlu dilakukan dengan segera mahupun dalam aspek pengurusan, pengajaran dan juga pembelajaran bagi menghadapi situasi ini (Jamian, Hashim & Othman, 2012). Usaha bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar perlu segera diambil berat dan diterjemahkan melalui perlaksanaan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran meraka. Maka melalui program Transformasi Pendidikan Vokasional (KPM, 2011) telah menggalakkan

pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dalam sistem pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan termasuklah menggalakkan penggunaan internet dalam kalangan pelajar. Setiap aspek pengajaran guru perlu memasukkan elemen penggunaan internet agar pelajar dapat mengaplikasikannya dalam pembelajaran. Menurut Jamaludin (2007) dengan positifnya perkembangan internet ketika ini maka diyakini internet boleh menjadi salah satu kaedah pembelajaran yang sangat penting kerana dapat menukar kaedah tradisional pembelajaran seperti menghafal dan mengingat maklumat kepada kaedah mengakses, memanipulasi dan mengenerasikan maklumat secara elektronik. Ia seterusnya dapat membantu menjana minda pelajar dengan lebih kritis dan inovatif selaras dengan perkembangan dunia pendidikan masa kini.

Oleh itu, dalam dasar pendidikan baharu, telah tersenarai peruntukan bagi perbelanjaan penyediaan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi ini pada jumlah yang besar (KPM, 2012). Penyediaan akses internet di sekolah yang semakin luas telah mensasarkan penggunaannya yang juga semakin luas dalam kalangan pelajar. Peruntukan yang tinggi dalam pembangunan akses internet telah dibelanjakan oleh kementerian untuk memastikan penggunaan internet dalam pembelajaran dapat memacu pelajar dalam proses pembelajaran ilmu dengan kemahiran-kemahiran yang semakin luas. Puteh & Abd Salam (2011) turut menyatakan pelaburan yang bernilai jutaan ringgit akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan memberikan pulangan yang besar dalam pembangunan negara jika semua pihak mempunyai iltizam untuk mencapai kejayaan. Ace Suryadi (2007) mencatatkan pengintegrasian teknologi dalam peranan teknologi maklumat kepada pelajar bakal memberi kesenangan, kemudahan dan kecepatan dalam pembelajaran serta melibatkan pelajar dalam kecanggihan teknologi (*advanced skill*). Oleh itu, menjadi harapan supaya tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar dalam proses pembelajaran adalah baik dan sangat memuaskan seiring dengan usaha mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seterusnya dapat memacu pembangunan sumber tenaga mahir dalam kemajuan negara.

Pernyataan Masalah

Elemen penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan telah dirangka dan dilaksanakan bagi memenuhi dasar untuk mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. Pengintegrasian teknologi maklumat ini diharapkan dapat dilaksanakan sebaiknya supaya para pelajar dapat menguasai teknologi tersebut sepenuhnya. Dalam program Transformasi Kolej Vokasional juga telah memasukkan elemen penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pelan transformasi pendidikannya supaya dapat melahirkan pelajar yang berpengetahuan dan berkemahiran selaras dengan perkembangan teknologi pada abad ke-21 ini. Selari dengan hasrat kerajaan supaya dapat melahirkan sumber tenaga mahir serta memastikan pengintegrasian teknologi maklumat dan komunikasi dapat dilakukan dalam pendidikan, setiap kolej vokasional tidak terkecuali dan telah disediakan dengan kelengkapan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi seperti komputer dan capaian internet. Selain itu, setiap pelajar di kolej vokasional juga dinilai keupayaan mereka dalam menguasai bidang teknologi maklumat melalui beberapa ujian dan tugas yang diberikan. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk melihat tahap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini dari segi elemen penggunaan internet oleh pelajar kolej vokasional tersebut untuk memastikan pengintegrasian ICT dalam pendidikan Kolej Vokasional dapat dicapai dengan lebih baik.

Selain itu, daripada kajian-kajian terdahulu yang dijalankan telah mendapati pelbagai faktor pengaruh yang menyumbang kepada pelaksanaan penggunaan internet samaada baik atau buruk seperti faktor guru, kemudahan peralatan, dan juga peranan pelajar itu sendiri. Oleh itu,

kajian ini perlu dilakukan untuk mengenalpasti faktor pengaruh dominan yang telah mempengaruhi pengintegrasian teknologi maklumat ini terutama dalam penggunaan internet oleh pelajar di kolej vokasional.

Kajian Literatur

Melihat perkembangan internet dan penggunaannya yang semakin meningkat setiap tahun. Maka, ini telah menyebabkan internet secara amnya sangat diperlukan dalam sistem pendidikan. Penggunaan internet telah menjadi semakin popular di sekolah. Pembelajaran dengan menggunakan aplikasi internet semakin dititik beratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Hal ini dapat dilihat lebih-lebih lagi apabila dasar kerajaan kini yang mahukan penggunaan internet di sekolah diperluaskan. Kementerian Pendidikan Malaysia dalam dasarnya telah menambah peruntukan bagi penyediaan kemudahan komputer dan internet pada setiap sekolah (KPM, 2007). Pakej internet ini mempunyai liputan capaian dan kelajuan internet yang baik dengan capaian 4G. Liputan yang meluas dan capaian internet yang pantas sangat membantu dalam perkembangan sistem pendidikan. Di sekolah, hasil peningkatan capaian internet yang pantas memberi peluang kepada guru dan pelajar untuk mengakses internet tanpa gangguan. Segala maklumat pembelajaran dapat diakses dimana sahaja dan bila-bila masa.

Maka, hasil kepentingan dan penambahbaikan yang telah dilakukan bagi meningkatkan capaian internet di sekolah ini, banyak kesan positif dan juga kesan negatif diperoleh hasil pelaksanaan penggunaan internet di sekolah tersebut. Topik seterusnya membincangkan berkaitan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran dan kesan terhadap penggunaan internet tersebut.

Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Perkembangan maklumat melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa perubahan terhadap masyarakat moden. Andoh (2012) menyatakan pembangunan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah merubah tanda aras pada abad ke-21 dan mempengaruhi sistem sosial. Keperluan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadi satu perkara yang penting dalam kehidupan seharian lebih-lebih lagi dengan wujudnya kemudahan internet. Maka, internet ini juga telah merubah sistem pendidikan negara. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi serta internet dalam sistem pendidikan merupakan satu kaedah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pelajar. Menyedari kesan penggunaannya terhadap keperluan pekerjaan dan aktiviti seharian, maka organisasi-organisasi pendidikan telah mengambil langkah menstruktur semula isi kandungan kurikulum dan kemudahan pembelajaran supaya penggunaan ICT dapat diadaptasi dalam sistem pembelajaran (Andoh, 2012). Selaras dengan perkembangan ICT, penggunaan internet juga turut berkembang. Penggunaan medium internet dalam pengajaran dan pembelajaran bermula dengan penubuhan Sekolah Bestari pada tahun 1990-an (KPM, 2012). Internet digunakan sebagai satu medium mendapatkan dan berkongsi idea dan maklumat oleh pelajar dan guru (Rahim & Yunus, 2013).

Goyat dan Chaudhary (2013) menyatakan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi dapat membantu dalam peningkatan pencapaian dalam bidang pendidikan. Menurutnya, penggunaan internet membenarkan kita mengakses maklumat, membina satu kaedah baru dalam bidang komunikasi, dan menyediakan pelbagai capaian berkaitan bidang pendidikan. Ditambah pula, ia adalah percuma untuk kegunaan guru dan pelajar. Pelbagai maklumat boleh diakses dimana-mana sahaja tempat yang menyediakan kemudahan internet. Sidin & Mohamad (2007) pula menyatakan perubahan harus berlaku dalam sistem mengajar dan belajar di bilik darjah, yang

mana perubahan ini menggalakkan pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran. Penggunaan elemen ICT seperti internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat mewujudkan sikap tanggungjawab guru dan pelajar terhadap pembelajaran kerana segala maklumat tambahan pembelajaran boleh diperoleh melalui laman web yang efisien. Bagaimanapun, tiada kaedah khusus dinyatakan sebagai suatu cara terbaik dalam memastikan penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran. Apa yang penting, segala proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dengan menggunakan ICT ini dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar serta penyampaian guru semasa pembelajaran itu berlaku (Mohd Tahir, Abd Rahman, Yassin & Phoon, 2010).

Selain itu, terdapat beberapa peranan internet dalam bidang pendidikan terutamanya bagi sektor pengajian tinggi seperti yang dinyatakan oleh Goyat dan Chaudhary (2013) di mana internet memainkan peranan yang sangat signifikan dalam meningkatkan proses pembelajaran dan menjadi kemudahan dalam sistem pendidikan. Mereka menyatakan bahawa peranan internet adalah untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran, dan sebagai penyampai maklumat. Ia juga mempunyai pelbagai bahan pembelajaran dan menjadi medan sokongan pentadbiran. Ini menunjukkan penggunaan internet dapat memudahkan dan membantu proses pengajaran dan pembelajaran selain meningkatkan kecekapan pelaksanaan proses pembelajaran ini.

Dalam pendidikan aliran teknik dan vokasional, penggunaan internet dilihat sebagai suatu usaha untuk meningkatkan kemahiran dalam kalangan graduan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja pada abad ke-21 ini. Pendidikan ini juga penting dalam melahirkan tenaga profesional yang berkemahiran tinggi dan separa mahir bagi menjana pendapatan dan pembangunan negara. Pelajar yang berkemahiran dalam teknologi meningkatkan nilai tambah dalam diri mereka dalam persediaan memasuki pasaran kerja. Maka, bagi memenuhi tuntutan tersebut, strategi penyampaian pendidikan vokasional telah diperkemas. Pelbagai konsep pendidikan berteraskan ICT telah diwujudkan seperti e-pembelajaran, e-portfolio dan latihan berbantuan multimedia (Rahim & Yunus, 2013). Oleh itu, dapatlah dikenalpasti bahawa penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran berperanan untuk meningkatkan kecekapan proses pembelajaran.

Kesan Penggunaan Internet

Kesan penggunaan internet di sekolah dilihat telah banyak membantu guru dalam pelbagai aspek. Melalui penggunaan internet, guru-guru dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran serta memudahkan mereka mengakses maklumat pengajaran yang dikehendaki dengan pantas (Hassan & Abdul Rahman, 2011). Omar & Ahmad (2009) turut mendapati penggunaan internet sangat membantu guru dalam menjadikan pengajaran lebih menarik dan menjadi kerugian apabila seseorang guru itu tidak mahir mengakses internet. Melalui penggunaan internet, guru dapat mengakses animasi ataupun video berkaitan bagi menjelaskan suatu topik pembelajaran. Guru dapat memuat naik bahan pengajaran yang lebih pelbagai untuk murid (Hing, 2011). Dengan kaedah ini dapat membantu guru meningkatkan kemahiran memerhati, berfikir dan meramal diri pelajar. Penggunaan internet juga meningkatkan perkembangan pembelajaran secara maya yang diistilah sebagai e-pembelajaran. Di mana, ia juga meningkatkan perolehan maklumat kepada guru-guru bagi mempelbagaikan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelbagai aplikasi e-pembelajaran telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pembelajaran secara maya ini seperti Laman Portal Pendidikan dan Pengurusan Pengetahuan (Hassan & Abdul Rashid, 2012).

Bukan sahaja kepada guru, kesan penggunaan internet juga dilihat apabila ia mampu membantu pelajar mencari maklumat. Pelajar dapat menambah pelbagai bahan rujukan pembelajaran daripada internet. Hasil dari sumber rujukan tambahan yang pelbagai ini dapat menambah ilmu pengetahuan sekaligus meningkatkan pencapaian pelajar. Dalam kajian yang telah dilakukan oleh Daraha (2013) mendapati pencapaian pelajar dalam Bahasa Inggeris dengan menggunakan internet sepanjang proses pembelajaran telah meningkat berbanding pelajar yang tidak menggunakan internet. Dogruer, Eyyam & Menevis (2011) juga memberi pendapat yang sama berkaitan penggunaan internet yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Pelajar juga berasa bermotivasi dalam akademik apabila menggunakan internet (Mustafa & Tamer, 2011). Hasil kajian mereka ini bersetuju bahawa penggunaan internet oleh pelajar dapat meningkatkan pencapaian mereka. Hasil kajian Puteh & Abd Salam (2011) mendapati hasil kerja pelajar semakin baik apabila mereka menggunakan internet sebagai alternatif untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi tugas yang diberi. Hasil kajiannya juga menunjukkan penggunaan internet dalam kalangan pelajar adalah pada kadar yang tinggi. Kekekapan penggunaan internet ini juga telah mendatangkan kesan positif pada diri pelajar kerana ia juga dapat meningkatkan kemahiran mengakses maklumat dalam kalangan mereka.

Bagaimanapun, tidak dinafikan penggunaan internet juga boleh mendatangkan kesan negatif apabila penggunaannya tidak dikawal (Hing, 2011). Hal ini berlaku apabila sumber-sumber yang digunakan oleh guru sebagai bahan rujukan pembelajaran adalah tidak sah. Maka penyampaian maklumat kepada pelajar juga adalah tidak sah dan boleh mendatangkan kekeliruan. Masalah isi kandungan daripada sumber internet juga mendatangkan kemudaratan terutama sekali kepada pelajar (Munohsamy, 2014). Hal ini kerana terdapat banyak maklumat tidak sesuai dan tidak ditapis mudah diperoleh seperti maklumat seks, hasutan, dadah, dan perjudian. Maka, ini mendatangkan bahaya jika pelajar terpengaruh dan tidak dapat membezakan baik buruk maklumat tersebut.

Objektif Kajian


Objektif kajian ini yang ingin dicapai ialah:

1. Mengenalpasti tahap penggunaan internet pelajar Kolej Vokasional dalam proses pembelajaran
2. Mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi penggunaan internet dalam proses pembelajaran

Teori Penerimaan Teknologi

Pengintegrasian sesuatu teknologi dalam kehidupan masyarakat merupakan suatu keinginan pengguna terhadap teknologi tersebut. Keberhasilan pengintegrasian ICT juga adalah bergantung kepada penerimaan teknologi tersebut dalam kalangan pengguna. Maka, salah satu pendekatan yang boleh digunakan untuk memahami sikap penerimaan pengguna tersebut terhadap teknologi adalah melalui Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model*, TAM). Model TAM diperkenalkan oleh Davis pada tahun 1989. Tujuan model ini adalah menjelaskan faktor penentu penerimaan ICT secara umum dan menjelaskan perilaku pengguna dengan variasi yang pelbagai ini termasuklah mengetahui pengaruh dari faktor luaran kepada kepercayaan, sikap dan niat pengguna. Rajah 1 menunjukkan secara jelas elemen yang terkandung dalam model tersebut. Terdapat dua kepercayaan dalam TAM iaitu persepsi pengguna terhadap kemudahan dan persepsi pengguna terhadap manfaat yang kemudiannya berkaitan dengan perilaku pengguna terhadap penerimaan teknologi tersebut.

Rajah 1: Model Penerimaan Teknologi



Sumber: TAM (Siregar, 2011)

Metodologi Kajian

Sampel Kajian

Populasi didefinisikan sebagai satu set ciri untuk mengukur sesuatu berdasarkan sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dijadikan bahan pengukur mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang serupa dan sama antara satu sama lain. Populasi kajian ini melibatkan pelajar Tahun 4 yang mengikuti pelbagai pengajian di Kolej Vokasional. Sampel kajian merangkumi sekumpulan kecil yang dipilih secara rawak dari populasi yang menunjukkan sifat dan ciri yang sama. Sampel ini akan mewakili parameter populasi yang ditentukan sebagai pengukur kajian yang dijalankan. Sampel yang digunakan dalam kajian ini melibatkan 267 pelajar Tahun 4 dari Kolej Vokasional di Johor.

Lokasi Kajian

Lokasi kajian dipilih melibatkan Kolej Vokasional Batu Pahat. Pemilihan lokasi ini kerana sistem pengajaran dan pembelajaran di semua kolej vokasional adalah sama di seluruh Malaysia. Ini termasuklah dari aspek pengurusan organisasi, struktur kurikulum yang dilaksanakan serta syarat pengambilan pelajar. Pemilihan lokasi ini juga selaras dengan objektif kajian yang dilakukan iaitu untuk melihat tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar dan memaparkan suasana pembelajaran yang berlaku dalam kalangan pelajar.

Instrumentasi Kajian

Perlaksanaan kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan edaran borang soal selidik di kolej vokasional yang telah terpilih. Borang soal selidik yang baik adalah soal selidik yang dapat memberikan maklumat yang tepat dan lengkap serta mencapai objektif yang dikehendaki. Antara faktor pemilihan penggunaan borang soal selidik adalah disebabkan faktor penjimatan masa, tenaga dan kos. Borang soal selidik juga telah disediakan pilihan jawapan yang memudahkan responden menjawab persoalan yang dikemukakan. Soal selidik yang digunakan ini merangkumi 4 bahagian utama yang dapat dibahagikan seperti berikut:

Bahagian A: Demografi Respondan

Bahagian B: Tahap penggunaan internet dalam proses pembelajaran

Bahagian C: Faktor yang mempengaruhi penggunaan internet dalam proses pembelajaran

Bahagian D: Pandangan dan Cadangan terhadap penggunaan internet dalam kalangan pelajar.

Pernyataan dan persoalan yang dikemukakan di dalam borang soal selidik ini dicipta oleh penyelidik berdasarkan dapatan sorotan kajian penyelidik sebelum ini kerana dirasakan mempunyai kepentingan untuk menjawab persoalan dalam kajian ini. Oleh itu, set borang soal selidik ini melibatkan 53 item. 3 item dibahagian A, 10 item dibahagian B, 39 item dibahagian C dan 1 item dibahagian D.

Kajian Rintis

Melalui kajian ini, seramai 35 orang pelajar dari Kolej Vokasional Batu Pahat telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk memastikan instrumen yang dibina adalah bersesuaian dari segi bahasa dan penggunaan ayat. Ini adalah untuk memastikan responden memahami dan mudah untuk menjawab soalan yang diberikan. Kajian ini juga adalah untuk menentukan kebolehpercayaan dalam soal selidik yang digunakan dengan menguji set soal selidik ini menggunakan Alpha Cronbach bagi menguji kesesuaian item-item yang digunakan dalam set tersebut. Hasil analisis kajian rintis ini memberikan nilai Alpha Cronbach 0.938 Ini menunjukkan item-item yang digunakan mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan dikategorikan sebagai boleh dipercayai. Menurut Fraenkel & Wallen (2009), nilai Alpha Cronbach yang berada pada skala 0.61 hingga 0.99 adalah berada pada tahap tinggi dengan kekuatan kebolehpercayaan yang terbaik. Ini juga menunjukkan soalan-soalan tersebut boleh diterima untuk digunakan.

Analisis Kajian

Bagi dapatan persoalan kajian 1, analisis deskriptif dilakukan untuk melihat taburan frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai pada setiap item bagi tahap penggunaan internet dalam proses pembelajaran seperti dalam Rajah 1 berikut.

Jadual 1: Taburan Frekuensi, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Penggunaan Internet Semasa Proses Pembelajaran

No. item	Item	1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS	Skor Min	SP	Tafsir min
B1	Saya menggunakan internet untuk melihat maklumat terkini di portal rasmi sekolah	1 0.4%	6 2.2%	25 9.4%	149 55.8%	86 32.2%	4.17	0.715	Tinggi
B2	Saya menggunakan internet untuk mencari maklumat dengan rakan-rakan	0 0%	1 0.4%	10 3.7%	129 48.3%	127 47.6%	4.43	0.586	Tinggi
B3	Saya melayari internet untuk mencari sumber rujukan	0 0%	1 0.4%	3 1.1%	133 49.8%	130 48.7%	4.47	0.543	Tinggi
B4	Saya menggunakan email untuk membincangkan tugas sekolah bersama rakan-rakan	2 0.7%	9 3.4%	27 10.1%	141 52.8%	88 33.0%	4.14	0.785	Tinggi
B5	Saya memuat turun (download) nota yang diberi oleh guru menggunakan internet	0 0%	2 0.7%	14 5.2%	146 54.7%	105 39.3%	4.33	0.609	Tinggi

B6	Saya menggunakan rujukan di internet untuk menyelesaikan masalah pembelajaran saya	1 0.4%	1 0.4%	5 1.9%	126 47.2%	134 50.2%	4.46	0.596	Tinggi
B7	Saya menyiapkan kerja sekolah dengan bantuan laman web di internet	0 0%	1 0.4%	7 2.6%	125 46.8%	134 50.2%	4.47	0.570	Tinggi
B8	Penggunaan maklumat dari internet membantu meningkatkan pemahaman pembelajaran saya	0 0%	0 0%	8 3.0%	137 51.3%	122 45.7%	4.43	0.553	Tinggi
B9	Penggunaan internet lebih memotivasikan saya untuk menyiapkan kerja sekolah	0 0%	0 0%	16 6.0%	155 58.1%	96 36.0%	4.30	0.575	Tinggi
B10	Internet membantu meluaskan pengetahuan saya berkaitan topik yang dipelajari	0 0%	0 0%	7 2.6%	120 44.9%	140 52.4%	4.50	0.551	Tinggi
JUMLAH							4.37	0.608	Tinggi

Daripada analisis yang dilakukan, min keseluruhan diperoleh adalah 4.37 dengan nilai sisihan piawai (SP) ialah 0.608. Ini menunjukkan bahawa secara umumnya penggunaan internet semasa pembelajaran adalah pada tahap yang tinggi.

Dapatan min tertinggi diperoleh pada pernyataan “Internet membantu meluaskan pengetahuan saya berkaitan topik yang dipelajari” dengan nilai min diperoleh adalah 4.50 dan SP= 0.551. Seramai 120 orang (44.9%) setuju dan 140 orang (52.4%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Jumlah min kedua tertinggi adalah dengan nilai min 4.47 diperoleh pada pernyataan B3 dan B7. Pernyataan B3 “Saya melayari internet untuk mencari sumber rujukan” menunjukkan seramai 133 orang (49.8%) setuju dan 130 orang (48.7%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala selebihnya seramai 1 orang (0.4%) tidak setuju dan 3 orang (1.1%) kurang bersetuju dengan pernyataan ini. Bagi pernyataan B7 pula “Saya menyiapkan kerja sekolah dengan bantuan laman web di internet”, terdapat 1 orang (0.4%) yang tidak setuju dengan pernyataan ini dan 7 orang (2.6%) kurang bersetuju. Sungguhpun begitu, 125 orang (46.8%) setuju dan 134 orang (50.2%) sangat setuju pada pernyataan yang diberikan, yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar menggunakan internet sebagai sumber mencari rujukan.

Min yang tinggi juga diperoleh pada pernyataan B6 dengan nilai min sebanyak 4.46 dan SP= 0.596. Pernyataan B6 memperoleh seramai 126 orang (47.2%) setuju dan 134 orang (50.2%) sangat setuju bahawa mereka menggunakan rujukan di internet untuk menyelesaikan masalah pembelajaran mereka. Sementara itu, min yang terendah ditunjukkan pada pernyataan B4 “Saya menggunakan email untuk membincangkan tugas sekolah bersama rakan-rakan”, dengan nilai min diperoleh adalah 4.14 dan SP= 0.785. Pernyataan ini memperoleh seramai 2 orang (0.7%) responden menyatakan sangat tidak setuju, 9 orang (3.4%) tidak setuju dan 27 orang (10.1%) kurang setuju manakala, seramai 141 orang (52.8%) setuju serta hanya 88 orang (33.0%) sangat bersetuju. Walaubagaimanapun pernyataan B4 ini masih berada pada aras persetujuan yang tinggi. Bagi lain-lain pernyataan pula nilai min yang diperoleh adalah antara 4.17 hingga 4.43 dan juga masih berada pada aras persetujuan yang tinggi.

Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piawai yang diperolehi bagi ketiga-tiga faktor yang telah dikenalpasti mempengaruhi penggunaan internet.

Jadual 2: Min Dan Sisihan Piawai Bagi Ketiga-Tiga Faktor

FAKTOR	MIN PURATA	SISIHAN PIAWAI
Kemudahan Insfrastruktur	3.78	0.966
ur Sikap Pelajar	4.26	0.591
Peranan Guru	4.15	0.603

Oleh yang demikian, bagi mengenalpasti dan mengesahkan faktor dominan yang mempengaruhi penggunaan internet semasa proses pembelajaran daripada ketiga-tiga faktor yang telah ditentukan, pengkaji menjalankan Ujian Regrasi Pelbagai terhadap faktor-faktor tersebut. Hasil analisis regrasi yang dilakukan ditunjukkan pada Jadual 3 berikut.

Jadual 3: Hasil Analisis Ujian Regrasi

Proses	Pembolehubah	Beta (β)	R	R²	F	Sig
Pembolehubah bersandar	Tahap Internet	Guna -	-	-	-	0.00
Pembolehubah diterima	Sikap Pelajar	0.53 6	0.5 36	0.2 88	106.94 3	0.000
	Peranan dan Pelajar	Guru Sikap 0.36 8	0.25 8 71	0.3 26	63.804	0.000
Pembolehubah ditolak	Kemudahan Insfrastruktur	0.02 7	-	-	-	0.604

Keputusan analisis data menunjukkan bahawa bagi sampel kajian seramai 267 orang (N=267) telah menerima hanya dua pembolehubah peramal daripada tiga pembolehubah peramal tersebut iaitu Sikap Pelajar dan Peranan Guru. Manakala, andaian Kemudahan Insfrastruktur telah ditolak ($p=0,604$) dalam analisis regrasi yang telah dijalankan sebagai peramal yang mempengaruhi Tahap Penggunaan Internet.

Daripada analisis, Skor Sikap Pelajar ($F= 106.943$, $p<0.05$) menyumbang sebanyak 28.8% ($R^2 = 0.288$) dalam Tahap Penggunaan Internet. Ini menunjukkan Sikap Pelajar ($\beta=0.536$, $p<0.05$) turut mempengaruhi tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar.

Kombinasi antara faktor Sikap Pelajar ($\beta=0.368$, $p<0.05$) dan Peranan Guru ($\beta=0.258$, $p<0.05$) menyaksikan penambahan tahap pengaruh sebanyak 3.6% (32.6% - 28.8%) kepada $R^2 = 0.288$ tersebut dalam Tahap Penggunaan Internet ($F=63.804$, $p<0.05$).

Melihat kepada kombinasi linear antara dua pembolehubah peramal yang telah diterima melihatkan kedua-dua faktor iaitu Sikap Pelajar dan Peranan Guru telah menyumbang pengaruh sebanyak 32.4% varians dalam pembolehubah kriterion Tahap Penggunaan Internet tersebut.

Sehubungan dengan itu, daripada ketiga-tiga faktor peramal yang telah ditentukan iaitu Kemudahan Insfasrtuktur, Sikap Pelajar dan Peranan Guru, didapati faktor Sikap Pelajar ($\beta=0.368$, $p<0.05$) merupakan petunjuk utama atau menjadi faktor dominan yang mempengaruhi Tahap Penggunaan Internet dalam kalangan pelajar tersebut.

Perbincangan

Tahap penggunaan internet dalam kalangan pelajar semasa proses pembelajaran secara keseluruhannya adalah pada tahap penggunaan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar menggunakan internet dengan kerap semasa proses pembelajaran dan pelajar sering menggunakan internet bagi tujuan pembelajaran mereka. Respon menunjukkan kebanyakan pelajar menggunakan internet untuk membantu meluaskan pengetahuan berkaitan topik yang dipelajari. Selain itu, mereka juga melayari internet untuk mencari sumber rujukan bagi membantu menyelesaikan masalah pembelajaran mereka. Hal ini menunjukkan dalam proses pembelajaran, pelajar bergantung kepada penggunaan internet dalam membantu menambah pengetahuan dan menyelesaikan masalah pembelajaran. Hassan & Raja Abdul Rashid (2012) bersetuju bahawa banyak maklumat boleh dicapai melalui internet. Internet mampu menyediakan maklumat untuk menyiapkan projek kerja sekolah melalui laman-laman web yang menyediakan fakta, kamus dan laman yang membina kajian. Pandangan Goyat dan Chaudhary (2013) juga menyatakan penggunaan teknologi maklumat dapat membantu dalam peningkatan pencapaian dalam bidang pendidikan tidak dapat dinafikan. Dapatan kajiannya menunjukkan dengan adanya kemudahan internet ini dapat menjamin penggunaan teknologi maklumat yang lebih aktif dan menjadi sebagai salah satu alat untuk berkomunikasi serta menyalurkan maklumat dengan lebih meluas. Internet juga membolehkan pengguna bermain bersama-sama (Hassan & Raja Abdul Rashid, 2012). Daripada dapatan ini memperlihatkan penggunaan internet telah menjadi alat yang menyokong dan membantu antara satu sama lain dalam meningkatkan aktiviti pembelajaran dalam kalangan pelajar. Internet turut menjadi platform komunikasi dan perkongsian maklumat antara pelajar berdasarkan daripada maklumbalas yang diterima daripada responden melalui soalan terbuka yang telah diberikan.

Penggunaan internet yang tinggi oleh pelajar semasa pembelajaran bertujuan untuk mendapatkan maklumat terhadap perkara yang dipelajari sangat bertepatan dengan model Penerimaan Teknologi yang menjadi asas pelaksanaan kajian ini. Penggunaan internet sebagai medium untuk mengintegrasikan ICT telah menjurus kepada usaha untuk memperoleh maklumat tambahan berkaitan topik pembelajaran. Rahim & Yunus (2013) turut menyatakan perkara yang sama berkaitan penggunaan internet dan teknologi maklumat. Rahim dan Yunus (2013) turut menambah bahawa dengan penggunaan internet ini ia dapat memotivasikan dan menarik minat pelajar serta menjadi satu sistem pembelajaran itu menjadi lebih fleksibel. Secara umumnya ini menunjukkan bahawa, ketiga-tiga faktor yang telah dinyatakan merupakan faktor yang mempengaruhi tahap penggunaan internet dalam proses pembelajaran dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. Bagaimanapun, hasil analisis telah mendapati hanya faktor peranan guru dan sikap pelajar yang memberi pengaruh yang jelas terhadap tahap penggunaan internet dalam proses pembelajaran pelajar di kolej vokasional. Bagaimanapun, faktor sikap pelajar merupakan faktor dominan yang mempengaruhi penggunaan internet tersebut diantara ketiga-tiga faktor yang telah dinyatakan. Penggunaan internet diyakini dapat membantu meluaskan pengetahuan dan membantu menyiapkan setiap tugas yang diberikan

oleh guru dengan lebih baik. Ini menunjukkan pelajar sering menggunakan internet kerana ia membantu meluaskan pengetahuan mereka. Malahan, pelajar juga menggunakan internet kerana ia membantu pelajar untuk menyiapkan tugas pembelajaran dengan lebih pantas. Atas dasar kebaikan dan kesan positif yang diperolehi daripada penggunaan internet tersebut, pelajar juga dilihat lebih berusaha untuk terus menggunakan internet dalam setiap pembelajaran mereka. Keadaan ini juga menunjukkan dengan menggunakan internet dalam pembelajaran, pelajar lebih bermotivasi dan bersemangat. Selari dengan kajian Ismail (2010) yang turut mendapati 37.5 peratus dapatannya bersetuju bahawa mereka menggunakan internet untuk memajukan diri. Juga kajian Hassan & Raja Abdul Rashid (2012) yang menyokong penggunaan internet yang semakin canggih mampu mendorong dan memotivasi pelajar terutama dalam memahirkan sifat sendiri. Perasaan yakin, bermotivasi, perasaan ingin tahu dan suka berkongsi maklumat melalui penggunaan internet mampu memupuk kemahiran pelajar dalam teknologi maklumat. Sungguhpun kemudahan infrastruktur disediakan dengan lengkap dan memenuhi keperluan pelajar, ia tidak dapat mempengaruhi pelajar untuk terus menggunakan internet semasa pembelajaran mereka. Kecualilah apabila pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap teknologi dan telah berasa yakin akan manfaat yang diperolehi daripada penggunaan internet tersebut.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil dapatan kajian, telah didapati pelajar Kolej Vokasional di Johor menggunakan internet pada kadar yang tinggi. Penggunaan internet ini membantu pelajar meningkatkan pemahaman mereka dalam pembelajaran. Penggunaan internet ini juga membantu pelajar mencari maklumat tambahan berkaitan pembelajaran di kolej vokasional serta telah meningkatkan kemahiran-kemahiran teknologi maklumat mereka dalam menghadapi kemajuan negara bagi masa akan datang. Selain itu, dengan menggunakan internet, ia telah menjadi satu medium berkongsi maklumat pembelajaran dengan rakan-rakan pada bila-bila masa. Oleh itu, galakan dan kekerapan penggunaan internet dalam proses pembelajaran di sekolah perlu dipupuk sebaiknya kerana ia dapat membantu meningkatkan pemahaman pelajar dalam proses pembelajaran mereka. Sikap pelajar dalam berusaha untuk menggunakan internet dalam proses pembelajaran mereka merupakan faktor dominan yang mempengaruhi penggunaan internet tersebut. Apabila pelajar menunjukkan minat yang tinggi untuk menggunakan internet pasti dapat membantu mereka untuk lebih mudah memahami sesuatu topik pembelajaran. Pelajar juga berasa lebih seronok untuk belajar kerana mereka boleh memperoleh pelbagai sumber rujukan pembelajaran dan mereka juga lebih yakin untuk menyiapkan tugas sekaligus membantu menyiapkan tugas yang diberi. Penggunaan internet yang baik dalam kalangan pelajar kolej vokasional ini dapat memberi kesan yang positif kepada pelajar. Penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka melalui penggunaan internet yang kerap ini bagaimanapun perlu dikawal selia supaya penggunaan internet ini tidak disalahguna.

Rujukan

- Abdullah, M. Y. (2002), Perkembangan internet dan implikasi terhadap suasana pengajaran sekolah: Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, *Jurnal Pendidikan*. Guru Bil. 12/1999/ Johor Bahru, Johor.
- Ace Suryadi (2007). Pemanfaatan ICT dalam pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Terbuka dan Jarak Jauh*, vol. 8, no.1, 83-98.
- Andoh, C.B. (2012). Factor influencing teachers' adoption and integration of information and communication technology into teaching: A review of the literature. *International Journal of Education and Development using Information and Communication Technology*. Vol. 8, 136-156.

- Awang, M. & Ismail, R. (2003). WebCT sebagai media pembelajaran: Kajian kes pelajar. *Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan ke-16: ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu*, 395-402.
- Baharuddin, Noraffandy, Jamalludin & Zaidatun (2000). Teknologi Pendidikan: Dari yang tradisi kepada yang terkini. Jabatan Multimedia Pendidikan, Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Daraha, K. (2013). The effect of the internet use on high school students: A case of Pattani province of Thailand. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 91, 241-256
- Dogruev, N., Eyyam, R., & Menevis, I. (2011). The use of the internet for educational purposes. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 28, 606-611.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. (2009). *How to design and evaluate research in education*, 7th Edition, New York: McGraw-Hill.
- Goyat, M., & Chaudhary, N. (2013). Role of information and communication technologies to enhance the quality and accessibility of higher education. *Global Research Analysis Vol. 2, Issues 12*.
- Harun, N. I., Mohd Ayub, A.F., & Ab.Rahman, F. (2012). Keberkesanan penggunaan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, vol. 2, Bil.1, 31-42.
- Hassan, J. & Abdul Rashid, R.S. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah Tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, vol.6 June 2012, 23-43.
- Hassan, J., & Abdul Rahman, F. R. (2011). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik fakulti pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, vol. 4, ISSN: 2231-7376, 22-37.
- Hing, K.M., (2011). Internet addiction and antisocial internet behaviour of adolescents. *TheScientificworld Journal* 11, 2187-2196.
- Ismail, R. (2010). Hubungan akrab remaja dan internet dalam pendidikan remaja- satu kajian kes. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jamaludin, R. (2007). Internet dalam pendidikan. USM Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jamian, A.R., Hashim, N., & Othman, S. (2012). Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid Probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2 (2): 46-53.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). Pelan strategik transformasi pendidikan vokasional. Putrajaya
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (2013-2025). Putrajaya
- Leask, M., & Pachler, N. (2006). Learning to teach using ICT in the secondary school-a companion to school experience. Routledge: Taylor & Francis Group.
- Marlini (2008). Penggunaan internet dalam pencarian maklumat di kalangan pelajar-pelajar Indonesia di Universiti Malaya. Tesis Sarjana. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Mohd Tahir, L., Abd Rahman, M.A., Yassin, M.A.M. & Phoon, A.L. (2010). Penilaian guru sekolah rendah terhadap peranan guru besar sekolah sebagai pemimpin teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). *Asia Pacific Journal of Educator and Education*, Vol.25, 169-188.
- Munohsamy, T. (2014). Integrasi teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan. *Researchgate*. Diakses pada 16 Januari 2016.

- Mustafa, K. & Tamer, S. L. (2011). The investigation of Turkish high School student' internet use profiles across their demographic. *Procedia Social and Behavioral Scienses 15*, 2912-2916.
- Omar, R. & Ahmad, J. (2009). Kesedaran, penilaian dan penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan ahli akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia 34 (1)*, p. 155-172.
- Puteh, S.N. & Abd Salam, K.A. (2011). Tahap kesediaan penggunaan ICT dalam pengajaran dan kesannya terhadap hasil kerja dan tingkah laku murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia 36(1)*, 25-34.
- Rahim, M.B & Yunus, F.A. (2013). Kesediaan pendidikan aliran vokasional terhadap penggunaan E-portfolio. *Prosiding Seminar Kebangsaan ICT dalam Pendidikan*.
- Sidin, R., & Mohamad N. S., (2007). ICT dalam pendidikan: Prospek dan cabaran dalam pembaharuan pedagogi. *Jurnal Pendidikan, 32*: 139-152.
- Siheh, A.J., & Sani, B. (2010). Perlaksanaan E-pembelajaran dikalangan pelajar Fakulti Pendidikan dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Siregar K.R. (2011). Kajian mengenai penerimaan teknologi dan informasi menggunakan Technology Accaptance Model TAM. *Rekayasa, Vol.4. No. 1*.